

Solat sunat istisqa' mohon hujan di Pekan



KIRA-KIRA 1,000 jemaah menunaikan solat sunat istisqa' di padang Majlis Perbandaran Pekan, Pekan. FOTO Asrol Awang

Pekan: Kira-kira 1,000 jemaah menunaikan solat sunat istisqa' di padang Majlis Perbandaran Pekan, di sini, tadi, bagi memohon berlakunya hujan di daerah ini.

Solat sunat diimamkan Mohammad Hafizi Zilani selaku imam Masjid Sultan Haji Ahmad Shah dilakukan susulan cuaca panas dialami di seluruh negara termasuk di daerah Pekan di sini.

Khutbah pula disampaikan oleh Imam Masjid Sultan Ahmad Shah Al-Haj, Mohd Lufti Mohd Bashir.

Antara jemaah yang menunaikan solat sunat itu adalah Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP), Datuk Saiful Zaini Mohd Bokhari, Ahli Parlimen Pekan, Datuk Seri Sh Mohmed Puzi Sh Ali, Ketua Polis Daerah Pekan Superintendan Mohd Zaidi Mat Zin dan Kadi Pejabat Agama Islam Daerah Pekan, Mohd Aris Jamin.

Mohd Aris berkata, solat sunat istisqa' dilaksanakan susulan titah Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Alhamdulillah, terima kasih kepada Pejabat Daerah Pekan dan Majlis Perbandaran Pekan serta kerjasama semua pihak yang menjayakan solat ini.

"Walaupun hujan tidak berlaku pada masa ini tetapi insyaAllah, Allah SWT maha mengetahui apa yang terbaik.

"Allah SWT tidak pernah mengecewakan kita. Saya harap jangan ada perasaan kecewa jika tidak hujan, yakin Allah akan menerima dan memberikan yang terbaik kepada kita," katanya.

Terdahulu, Mohd Lufti ketika menyampaikan khutbah berkata, walaupun cuaca panas boleh dijelaskan secara sains tetapi sedarlah yang menjadikan cuaca panas ialah Allah SWT.

"Allah yang maha berkuasa untuk menurunkan hujan dan menahan hujan daripada turun.

"Maka marilah bertakwa kepada Allah SWT dan insaflah betapa mungkin kepanasan ini adalah sebagai salah satu amaran dan peringatan Allah kepada kita semua," katanya.